# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 28 FEBRUARI 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | SALAHUDDIN: I AM IN ISTANA NEGARA, NATION, CHINA PRESS -A2<br>BELA NASIB NELAYAN TEMPATAN, OPS NAGA TIDAK AKAN DIHENTIKAN, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -15 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 3.<br>4. | TAMBAHAN RM150 UNTUK PENERIMA BSH, NASIONAL, BH -7<br>SEMAK SEMULA DASAR PERTANIAN NEGERI, NEGERI, HARAKAH -N13 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin: I am in Istana Negara | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 28 Feb 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A2 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 413 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,147 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,440 |





■沙拉胡丁阿育

# 無法同時覲見柔蘇丹
# 沙拉胡丁：人在國家王宮

（新山27日讯）诚信党埔莱区国会议员兼新邦二南区州议员拿督斯里沙拉胡丁阿育解释，由於昨日在吉隆坡觐见国家元首，无法赶回新山，在指定时间觐见柔佛苏丹。

他说，由于他与诚信党其他国会议员，受召前往国家王宫觐见国家元首，捍卫人民权益，同时也收到柔佛苏丹依布拉欣的召见谕令。

"由于同一时间，我赶不及回来（新山）觐见柔佛苏丹。"

沙拉胡丁阿育也是诚信党署理主席。他今午发文告，如是解释。

他坦言，事实上，他经常都有觐见柔佛苏丹。

他强调，众所周知，他是支持希盟，不曾出现任何分歧。

# 哈斯尼：與友黨商議選大臣

国阵兼巫统柔州联委会主席拿督哈斯尼指出，将和其他友党（伊斯兰党、国大党及土团党）共同商议后，才定夺柔佛州务大臣人选。

他说，柔佛苏丹依布拉欣周三经接见柔州全体州议员，并询问每位州议员的意愿，因此他对结果不会感到意外。

哈斯尼于周四下午连同其他友党的代表进行闭门会议时，接受媒体访问如此简短回应。

他强调，重要的是，新联盟将以柔州及人民的利益为重及优先。

# 希盟3黨近期覲見柔蘇丹



■赛依布拉欣：希盟三党将在近期觐见苏丹依布拉欣陛下。

公正党柔州主席赛依布拉欣披露，希盟3党将会在近期内觐见苏丹依布拉欣陛下，并表明希盟获得28名州议员的支持。

他周四（27日）在新山百丽宫酒店召开记者会时强调，他们将在近期申请能够面圣。

惟他说，苏丹周五（28日）将参与国家元首召开的马来统治者理事会议，但是会努力在近期安排觐见苏丹。

另一方面，赛依布拉欣披露，希盟三党一致同意委任诚信党柔州联委会主席阿米诺胡达为柔州希盟的协调员，协助处理希盟事务。

他说，这一方案也能够作为中央希盟的参考模式。

# 鄒裕豪：先瞭解土團黨2人意願

消息指出，截至周四早上11时，柔州希盟原本掌握至少30席，土团党其中2席，会倾向支持柔州希盟政府，不料在中午时分，突传出新联盟获优先执政权。

行动党柏伶区州议员邹裕豪于周四下午接受《中国报》询问时表明，对有关方面的宣布，感到震惊。

他认为，土团党优景镇区州议员马兹兰和诚信党新邦二南区州议员沙拉胡丁尚未签署法定声明，有关方面应给予机会了解两人意愿。

另外，公正党柏玛尼斯区州议员张发虎于周四早上也表态支持希盟政府。

张发虎周四在诚信党柔州主席兼巴力安尼区州议员阿米诺胡达陪同下，通过录视频方式，在面子书发布他支持希盟的意愿。

阿米诺胡达没有特别评论，表明交由张发虎发言。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 28/2/2020 | MINGGUAN AMANAH | NASIONAL | 15 |

# Bela nasib nelayan tempatan, Ops Naga tidak akan dihentikan

*Oleh* **ARIF ATAN**

**MENTERI** Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub memberi jaminan operasi khas, Ops Naga yang membanteras pencerobohan nelayan asing akan diteruskan.

Timbalan Presiden AMANAH itu berkata, Ops Naga membantu menyelamatkan ekosistem laut dan hasil ikan negara daripada terus dirosakkan oleh kerakusan nelayan asing.

"Ops Naga diberikan jaminan oleh Kabinet tidak akan dihentikan buat masa ini. Kita akan menguatkuasakannya.

"Tiada vesel dan pukat-pukat asing. Saya lihat wajah kegembiraan telah mula terbayang di muka nelayan kita di seluruh negara," katanya dalam Bicara Menteri menerusi *Jom Channel* baru-baru ini.

Dalam slot bertajuk, "Dasar Pertanian Baharu - Apa pencapaiannya?" itu, beliau berkongsikan bagaimana Kabinet bersetuju untuk empat kementerian bergabung tenaga membanteras pencerobohan nelayan asing.



***Salahuddin ketika melawat jeti nelayan Kampung Sungai Melayu di Gelang Patah, 18 Februari lalu.***

"Saya telah minta Perdana Menteri supaya kita fikir tentang perairan kita diceroboh. Hasil laut kita dipunggah oleh orang asing.

"Alhamdulillah. Kabinet bersetuju untuk empat kementerian bergabung tenaga. Pertanian, Pertahanan, KDN dan Luar Negeri.

"Kami buat keputusan itu pukul 11 pagi. Pukul 2.30 petang kami mengadakan sidang akhbar bersama dan pada hari itu juga Ops Naga dilancarkan," ujarnya mengimbas keputusan tersebut.

Salahuddin memberitahu gabungan bersepadu jabatan dan agensi di bawah empat kementerian terbabit membolehkan hampir 220 vesel asing ditahan sehingga Disember tahun lalu.

"Bayangkan, apabila empat kementerian bergabung, polis dan APMM (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia) boleh menggerakkan aset mereka. Tentera laut boleh meronda perairan kita menggunakan aset-aset tempur mereka.

"Ada enam (vesel) kita tenggelamkan jadi tukun selepas selesai kes mahkamah. Bukan hanya vesel bahkan pukat-pukat yang memusnahkan ekosistem seperti bubu naga dan pukat harimau secara berleluasa mengaut hasil-hasil laut ini turut dirampas.

"Alhamdulillah. Ekosistem laut dapat dipulihkan. Saya sangat gembira melihat bot kecil memunggah ikan tenggiri, cencaru dan tongkol yang begitu banyak hanya di kawasan pantai.

"Nelayan mengakui dalam tempoh tiga, empat bulan ini, tangkapan sudah mula meningkat," ujar Ahli Parlimen Pulai itu lagi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 28/2/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Tambahan RM150 untuk penerima BSH

**Putrajaya:** Bagi merangsang permintaan domestik, kerajaan akan menyalurkan bayaran tambahan berjumlah RM100 kepada setiap penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang dikreditkan ke dalam akaun bank pada Mei dan seterusnya RM50 akan disalurkan secara e-tunai.

Perdana Menteri interim, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata ia adalah untuk meningkatkan pendapatan rakyat dan mengurangkan kos sara hidup rakyat yang terjejas akibat COVID-19.

"Bayaran ansuran BSH bulan Mei sebanyak RM200 diawalkan ke bulan Mac 2020," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan melaksana beberapa langkah meningkatkan pendapatan rakyat dan mengurangkan kos sara hidup.

Antaranya, beliau berkata, Tabung AgroFood RM1 bilion disedia Bank Negara Malaysia pada kadar 3.75 peratus bertujuan menggalakkan aktiviti pengeluaran makanan bagi memenuhi permintaan domestik dan eksport.

Selain itu, RM10 juta diperuntukkan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk menyediakan kemudahan simpanan makanan supaya harga dapat dikurangkan.

"Geran RM1,000 kepada 10,000 usahawan tempatan yang menjual produk dan barangan di platform e-dagang. Peruntukan tambahan RM20 juta kepada Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk program Perkhidmatan e-Dagang Setempat (PeDAS) bagi menaik taraf Pusat Internet Desa kepada hab e-dagang," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/2/2020 | HARAKAH | NEGERI | N13 |

# Semak semula dasar pertanian negeri



Ustaz Tuan Saripudin Tuan Ismail bersama peserta bengkel semakan dasar pertanian negeri.

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

KOTA BHARU: Kerajaan negeri melakukan semakan semula dasar pertanian negeri iaitu Pertanian Satu Ibadah yang diperkenalkan pada 2009 sejajar tuntutan semasa.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, inisiatif itu diambil bagi membangunkan pelan tindakan pertanian negeri bermula 2020 hingga 2025.

Katanya, semakan dasar itu untuk melihat semula sasaran Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara.

"Program itu agak penting kerana semua pihak yang terlibat bertungkus lumus menyiapkan cadangan yang akan kita murnikan semula agar sasaran kita tercapai," katanya.

Beliau berkata demikian pada bengkel semakan dasar pertanian negeri dan pembentukan pelan tindakan pertanian negeri 2020 hingga 2025 di Tanjung Demong Beach Resort Besut baru-baru ini.

Turut hadir Adun Jelawat Abdul Azziz Kadir ahli Parlimen Tumpat Dato' Che Abdullah Mat Nawi; Ahli Parlimen Rantau Panjang Dato' Siti Zailah Yusoff, Adun Semerak Wan Hassan Wan Ibrahim.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal dan Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Pertanian Kelantan, Engku Rajhan Engku Ismail.

Lebih 60 peserta menyertai bengkel pada 18 hingga 19 Februari lalu termasuk wakil agensi kerajaan persekutuan dan negeri, swasta dan NGO.

Antaranya Jabatan Pengairan dan Saliran, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

NGO pula Persatuan Usahawan Organik Kelantan, Min House Camp, Persatuan Pertanian Alami, Persatuan Penternak Arnab, Persatuan Usahawan Lebah Kelulut Darulnaim dan Persatuan Penternak Kambing Sado.

Tuan Saripudin juga berkata, usaha untuk melakukan semakan sudah lama dilakukan.

"Perbincangan sudah lama dan bukan sehari dua sahaja. Bengkel ini cuma kita hendak memuktamadkan apa yang hendak kita buat supaya target lima tahun akan tercapai," katanya.



Anggota Exco merasmikan bengkel kajian semula dasar pertanian negeri.